


Rajah 3 menunjukkan paparan sebahagian kerja menyunting audio untuk memasukkan kesan khas Pitch-Shift menggunakan perisian Sound Forge.



Rajah 3

A, B, C, D dan E adalah pernyataan langkah kerja menyunting audio yang tidak mengikut turutan.

Pernyataan Langkah Kerja	
A	Seret slider <i>Semitones to shift pitch by</i> untuk laraskan suara garau atau nyaring
B	Seret slider <i>Cents to shift pitch by</i> untuk suara kuat atau perlahan
C	Pilih bahagian audio yang ingin diletakkan kesan khas
D	Tekan butang <i>Preview</i>
E	Pilih Menu <i>Effect > Pitch-Shift</i>

Berdasarkan Rajah 3 dan pernyataan langkah kerja, susun langkah kerja itu mengikut turutan yang betul dengan menulis A, B, C, D dan E dalam ruang jawapan.

Ruang Jawapan

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4	Langkah 5

[5 Markah]

Rajah 4 menunjukkan proses trimming video menggunakan aplikasi Adobe Premiere Pro.



Rajah 4

Berikut adalah arahan navigasi dalam aplikasi Adobe Premiere Pro.

Shuttle Slider	Track Selection Tool	Import	Source View
Set Out Point	Ripple Edit Tool	Set In Point	Zoom Slider

Berdasarkan Rajah 4 dan arahan navigasi yang diberi, pilih dan lengkapkan langkah kerja menjalankan trimming video mengikut urutan dalam ruang jawapan.

RUANG JAWAPAN

Langkah 1:

Dwiklik video Boys.mov pada timeline Video 1.

Frame pertama Boys.mov akan kelihatan pada (1)di Monitor Window.

Langkah 2:

Klik dan seret (2) sehingga saat 1.00. Klik butang (3)

Langkah 3:

Klik dan seret video tersebut sehingga saat 4.09. Klik butang (4)

Langkah 4:

Untuk menutup ruang kosong antara klip-klip video selepas trimming,

pilih (5) untuk memilih semua klip ke kanan, kemudian seret dan rapatkan dengan Boys.mov.

[5 Markah]